

KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 20 Februari 2011

Khazanah masuki peringkat kedua pelupusan kepentingan strategik Pos Malaysia

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa proses melupuskan 32.21 peratus kepentingan dalam Pos Malaysia Berhad (“Pos Malaysia”) telah memasuki Peringkat Kedua.

Peringkat Kedua akan dilaksanakan melalui proses tender ketat yang memberi penekanan terhadap cadangan pembangunan strategi dan rancangan perniagaan yang mampan bagi membawa pertumbuhan Pos Malaysia ke peringkat lebih tinggi. Ia dijalankan serentak dengan pelaksanaan Peringkat Pertama yang berkaitan persekitaran perniagaan makro. Penilaian tersebut akan turut merangkumi keupayaan para pembida dalam memastikan Pos Malaysia terus memenuhi Tanggungjawab Perkhidmatan Universal (“USO”) dan juga memenuhi komitmen mengekalkan tenaga kerjanya.

Proses pelupusan kepentingan tersebut akan dilaksanakan secara adil dan telus. Proses tersebut akan memberi peluang sama rata kepada para pembida dalam membentangkan cadangan mereka.

Satu panel penilai bebas yang terdiri daripada lima profesional dengan pengalaman luas dalam perkhidmatan pos dan korporat akan menilai semua pembida secara rahsia. Para pembida akan dipertimbangkan berdasarkan strategi dan pelan perniagaan, disusuli dengan harga tawaran.

Nama para pembida yang disenarai pendek hanya akan diumumkan kepada panel selepas proses senarai pendek selesai. Pembida yang disenarai pendek kemudiannya akan dijemput untuk menyerahkan strategi dan pelan perniagaan yang dirombak beserta dengan tawaran akhir mereka. Oleh itu, spekulasi media baru-baru ini yang menyatakan terdapat pihak yang mendahului atau ketinggalan dalam proses bidaan ini adalah tidak tepat.

Para pembida mesti dimiliki dan dikuasai 51 peratus oleh warganegara Malaysia, dengan profail yang bersesuaian dengan matlamat mencapai kepelbagaian dari aspek pemilikan di bawah konsep “1 Malaysia” termasuk penyertaan Bumiputera.

Mereka juga perlu memiliki keupayaan keusahawanan dan pengurusan yang tinggi dengan rekod pencapaian yang cemerlang.

Tamat

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di +603 2034 0000 atau e-mel asuki.abas@khazanah.com.my.